

03/04/1999

Pusat lulus pinjaman RM600j untuk Kelantan

KOTA BHARU, Jumaat - Kerajaan Pusat meluluskan pinjaman mudah sebanyak RM600 juta kepada kerajaan Pas Kelantan bagi tujuan pelaksanaan aspek infrastruktur pengurusan bekalan air di negeri ini.

Angka itu adalah jumlah sama seperti yang diminta Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menerusi dua permohonan beliau kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Permohonan pertama dibuat ketika beliau dan Dr Mahathir bertemu di Langkawi tahun lalu.

Ini disusuli oleh lawatan rasmi Perdana Menteri ke Kelantan yang turut merangkumi pertemuan empat mata dengan Nik Abdul Aziz di Kota Darul Naim, pada 14 Januari lalu.

Nik Abdul Aziz berkata, pinjaman secara berperingkat itu akan diagihkan kepada syarikat yang terpilih menjalankan pengurusan bekalan air di negeri ini berikutan langkah Thames Water menjual keseluruhan 70 peratus sahamnya dalam Kelantan Water Sdn Bhd (KWSB) kepada kerajaan negeri, berkuatkuasa hari ini.

Thames Water, syarikat yang berpangkalan di United Kingdom, menjual semua kepentingannya dalam KWSB pada harga RM50 juta dan sekali gus mengakhiri perjanjian asal 25 tahun yang dimeterai pada 26 Februari 1995.

Pengumuman kelulusan pinjaman itu dibuat oleh Nik Abdul Aziz selepas majlis menandatangani perjanjian jual beli (S&P) di antara Thames Water dengan kerajaan negeri di kediaman rasminya di JKR 10, lewat petang ini.

"Ini adalah hari bersejarah dan bererti buat rakyat Kelantan kerana akhirnya masalah bekalan air yang rumit ini dapat diselesaikan.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri yang bermurah hati meluluskan pinjaman mudah berjumlah RM600 juta yang dinyatakan melalui satu surat kepada saya," katanya.

Terdahulu, beliau menandatangani dokumen sebagai wakil kerajaan negeri manakala Thames Water oleh Pengarah Urusannya, Ian B Ritchie. Pihak KWSB diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohd Bakri Mohamed.

(END)